

Kematian di Konsert Gila – Neraka Dajjal disangka syurga manusia



Posted

by [DrMas Mohd Dua](#) · [March 17](#) · [Edited](#)

NERAKA DAJJAL YANG DISANGKA SYURGA OLEH MANUSIA

Jam 1.30 pagi, di malam kedua Future Music Festival Asia 2014 Stadium Bukit Jalil 6 orang diberitakan maut. Kesemua korban, 4 Melayu dan masing-masing 1 India dan 1 Cina dilaporkan mati akibat terlebih dos dadah methamphetamine. Mereka adalah Kamal Zekry Kamal Basha, 22, Sabreena Kamaruddin, 21, Syazana Sohaime, 23, Nor Faizza Mohd Wazir, 27, M.Suresh, 28 dan Victor Wong E Hern, 26.

Seorang dari mereka maut serta merta di Bukit Jalil. Bakinya mati dalam perjalanan ke hospital. 4 dari mereka meninggal di Universiti Malaya Medical Centre (UMMC) dan seorang di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM).

Sementara itu ratusan lagi mengalami sesak nafas, 15 daripadanya tenat. Beberapa daripada mereka koma dan dirawat di unit ICU. Ketua Polis Kuala Lumpur turut melaporkan penangkapan 22 orang bersabit kesalahan dadah sepanjang berlangsungnya pesta muzik itu. Akibatnya acara malam ke 3

pesta itu telah dibatalkan untuk memudahkan siasatan.

Sepanjang hari semalam pula, para pengguna Instagram merasa amat terkejut dengan beredarnya gambar yang dimuat naik oleh pengunjung pesta tersebut. Turut terkejut dengan berita yang dikongsikan oleh mereka yang bekerja di kejiranan tapak pesta, iaitu berita pembekalan pelbagai jenis DADAH dan KONDOM kepada pengunjung. Nauzubillah. Anak-anak muda kita memang sedang dibunuh secara terang-terangan dengan cara itu tanpa diketahui atau diperduli oleh penguasa, rakan taulan dan ibu bapa.

Mungkin sebahagian daripada kita, penerima gambar dan berita dari instagram, tweeter atau facebook itu tidak tahu bahawa gejala ini sebenarnya berlaku saban hari di tempat-tempat khas berstatus 'private'. Bagi kami yang terlibat secara langsung dengan usaha kajian dan pembangunan peradaban ini sudah tidak merasa terkejut lagi.

Ini hanya kes terpencil yang terdedah kepada umum, hanya kerana berlakunya kematian yang ramai secara serentak. Jika tidak kerana kematian itu kita mungkin tidak tahupun ada fiesta berkandang sedajjal itu. Kita masih terus merasa aman dalam dunia kita sendiri. Masih ingat lagi tragedi kematian di pantai PD, Negeri Sembilan yang melibatkan 3 kontena minuman keras? Masih ingat berita tentang seks bebas di private house melibatkan anak-anak usahawan dan vip?

INIKAH MATLAMAT TAHUN MELAWAT MALAYSIA?

Mungkin ramai yang berfikir upacara telekan oleh Raja Bomoh VVIP boleh menarik perhatian dan mampu menarik pelawat ke Malaysia. Jika ini benar, maka harap kita sudah sedar bahawa tersebarnya berita aksi Raja Bomoh itu telah membuatkan rakyat, pemimpin dan negara kita dicemuh begitu hebat di serata dunia. Tak pasal-pasal rakyat kita, khasnya yang beragama Islam di luar negara menjadi bahan ejekan oleh masyarakat dunia. Gambar dan video aksi teropong buluh, tikar terbang, kelapa muda bertaburan di mana-mana.

Jika konsert yang menghimpun artis dan penonton dari pelbagai negara ini dimasukkan dalam agenda Tahun Melawat Malaysia, jelaslah ia satu kesilapan besar. Masyarakat dunia sudah tidak pelik dengan hiburan seperti ini kerana mereka boleh mendapatkannya saban malam dan hari. Yang menjadi mangsa ialah rakyat kita yang jadi jakun dengan arak, dadah dan seks bebas. Kita sanggup berhabis duit, bahkan mati dan berbunuhan kerana gejala ini.

Entah mengapa kita lihat baik yang lelaki maupun perempuan Melayu terlalu edan dan rakus dengan seks bersama orang asing. Wanita kita, terutamanya yang janda, atau remaja yang telah 'terlanjur sampai terbiasa melunjur' begitu ghairah dengan lelaki asing. Fenomena ini dapat kita saksikan berulang kali di akhbar dan tv. Ribuan kes buang bayi, gadis hamil, video lucah bahkan tangkapan oleh pencegah maksiat adalah bukti nyata untuk fenomena ini.

Sekadar sekali sekala membaca berita kes gadis Melayu 'bersekedudukan' dengan Awang Hitam atau lelaki India, Cina, Bangla, atau Mat Salleh mungkin tidak begitu terasa kebimbangannya. Sebenarnya ia sudah sampai ke tahap yang tidak mungkin dapat anda bayangkan lagi. Anda mungkin menangis atau pengsan jika kami dedahkan bahan bukti dakwaan ini.

Kerana itu jugalah kami katakan satu kesilapan besar jika konsert seperti ini dan segala rencah ratus bersamanya ingin dijadikan penggerak ekonomi melalui Tahun Melawat Malaysia. Yakinlah bahawa dapatan kerosakan melebihi perolehan, samada secara moral atau ekonomi. Belajarlah puasakan diri, jangan kita tamak untuk meraih kekayaan dengan cara ini.

Sebenarnya penjana ekonomi dengan cara ini tidak akan memberikan keberkatan. Kenapa kami kata begitu? Ini kerana keberkatan itu adalah bermaksud mencukupi, biarpun jumlahnya sedikit. Ingatlah kita sedang berada dalam kondisi yang sangat panas (ramadh). Ramai yang panas hati, panas poket, panas mata, panas telinga dan sebagainya. Itu semua akibat dari

keruntuhan akhlak umat yang memerlukan kita banyak berpuasa. Kerana itu ramadhan itu dipanggil al-mubarakh, bulan yang berkah dan diberkahi (ada tambahan penjelasan di bawah).

KAITAN ZINA DENGAN SYIRIK & HUKUMAN MATI

Mendekati ZINA sahaja sudah dilarang. Apabila kita sampai melakukannya, maka jelaslah kita melakukannya dengan niat dan sengaja. Ungkapan 'TER'LANJUR tidak layak sama sekali, kerana kita sebenarnya 'ME'LUNJUR dengan sengaja. Jangan tipu diri sendiri. Sebenarnya, kita sengaja rancang dan berusaha dengan rapi untuk melakukan ZINA. Kedegilan kita terhadap Allah sebenarnya sudah ke tahap melampau batas apabila zina itu terjadi.

Jika kita sampai peringkat berzina, kita sebenarnya telah dengan sengaja melanggar garis kuning ke arah zina itu. Itulah batas aurat, pergaulan, arak, dadah dan sebarang situasi yang boleh menjurus kepada zina. Membataskan diri itulah hudud (batas) yang sebenarnya harus kita lakukan untuk mencegah zina dari berlaku. Bukan setelah ia berlaku.

QS:17. Al Israa' 32. "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan/sabil yang buruk".

QS:24. An Nuur 2-3. "Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya 100 kali dera, dan JANGANLAH BELAS KASIHAN kepada keduanya mencegah kamu untuk agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah hukuman mereka DISAKSIKAN oleh sekumpulan orang-orang yang beriman".

Laki-laki yang berzina tidak mengawini melainkan PEREMPUAN YANG BERZINA, ATAU PEREMPUAN YANG MUSYRIK; dan perempuan yang berzina tidak dikawini melainkan oleh LAKI-LAKI YANG BERZINA ATAU LAKI-LAKI MUSYRIK, dan yang demikian itu diharamkan atas oran-orang yang mukmin".

Jelasnya jika kita masih berzina juga, kita sebenarnya sengaja menundukkan Allah dengan cara melawan hukumNya secara SENGAJA. Atas dasar itulah Allah padankan zina itu dengan SYIRIK dalam ayat yang sama. Ia bukan dosa biasa. Kerana itulah juga hukuman terhadap zina itu boleh dikatakan 'mati'. Cuma proses hukum bunuh terhadap zina ini dilakukan secara perlahan-lahan seperti rotan dan rejam sampai mati. Ini sebagai membalas kedegilan kita, sejajar dengan proses zina itu yang juga berlaku secara berperingkat, bermula dari muqaddimah zina sampai berlakunya zina.

Kita semua sudah tahu dengan jelas setiap perkara yang Allah larang, tiada taubat kecuali kerana jahil (QS:4/17,18). Melanggarnya dengan sengaja bermakna kita dengan SENGAJA menundukkan Allah melalui keingkaran dengan sengaja itu. Itulah cabang syirik yang layak menerima hukuman setaraf dengan 'mati'.

Mohon perhatikan huruf besar, JANGANLAH BELAS KASIHAN, dan hukum mereka dengan DISAKSIKAN sekumpulan orang beriman dalam ayat di atas. Jika anda beriman, anda harus berani melaksanakan ayat di atas. Soal pelaku sempat bertaubat esok hari, samada diterima atau tidak taubatnya (itupun jika tidak mati dalam maksiat seperti yang 6 orang itu), itu urusan mereka dengan Allah esok. Apa yang kita lihat hari ini harus kita tangani sewajarnya sekarang.

Jangan pula ada lagi yang sawan dengan komen JANGAN SUKA BUKA AIB ORANG...JANGAN SUKA MENGHUKUM ORANG... MANA TAHU DIA LEBIH BAIK DARI KITA... BLA BLA.. untuk kes study ini. Cukuplah maruah Allah dan Islam dimalukan sejauh ini.

Jika kita tidak mahu dibuka aib, jangan lakukan perkara yang megaibkan diri dan agama. Jangan lagi dedahkannya sendiri dengan sengaja dan penuh BANGGA sebegini. Kami dedahkan semua ini laksana doktor yang merawat penyakit siplis yang tersembunyi. Dengan Basmallah kami nampakkan kebencian kami dan mengajak pembaca, khasnya ibu bapa yang masih lena agar

maklum dan turut menghayatinya.

KEBERKATAN REZEKI & KERUGIAN MORAL

Tiket maksiat untuk FMFA itu beratus dan beribu RM harganya. Akhbar melapurkan pil dadah berbagai jenis itu dijual dengan harga antara RM50-RM100 sebiji. MASYAALLAH. Bahasa hiburan mereka pula adalah bahasa inggeris. Tentunya bukan orang miskin atau yang tidak sekolah yang menjadi pengunjung pesta muzik itu. Pulu juga bila mengenang adanya simiskin yang tulus berusaha mengirim sedekah seringgit dua, bahkan ada yang sen-sen saja melalui MBB2U untuk jariah mereka. Si kaya pula alpa berbelanja serta meneruskan dosa dan kerosakan.

Ketahuilah bahawa zina itu penyebab kepapaan dan kemiskinan, samada dalam bentuk kewangan maupun secara moral. Biarpun rezeki kita banyak, tetapi tetap tidak akan mencukupi jika zina kita jadikan amalan hidup. Ini kerana kita akan banyak membelanjakan rezeki pada jalan yang membinasakan.

Contohnya setiap orang yang berzina akan membelanjakan banyak wang untuk kos mukadimah zina itu sampailah ianya berlaku. Yang muda, yang tua, yang kaya, yang miskin semuanya ada cara dan jumlah perbelanjaan tersendiri untuk melakukan zina.

Bila ada niat untuk berzina, maka tak pasal-pasal kita terpaksa tanggung kerugian yang nyata. Antaranya ialah membuang masa dan belanja untuk kos perhubungan, kenderaan, makan minum pasangan untuk berdating dan sewa hotel bagi yang mampu. Bagi kes berprofil tinggi maka lebih lagi kerugiannya. Itu termasuklah belanja clubbing, pil khayal, dadah, arak, shopping dan sebagainya. Bagi sugar daddy pula terpaksa sponsor apartment, kereta dan lain-lain.

Apabila tertangkap, masing-masing akan mengalami kerugian moral yang bukan sedikit. Itu tidak termasuk membayar kos peguam dan denda mahkamah. Salah perkiraan akan dijatuhkan hukuman penjara kerana terbabit dengan kes rogol atau perkosa. Yang terhamil kena belanja pengguguran, bahkan membuang bayi

dan sebagainya. Kerugian seterusnya termasuklah jatuh kelayakan dalam kerjaya dan niaga. Gejala sosial turut membuatkan kerajaan rugi akibat dari masalah jenayah yang berbagai serta biaya menanganinya.

Firman Allah: ***"Hai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya orang-orang yang musyrik itu najis, maka janganlah mereka mendekati Masjidilharam sesudah tahun ini. Dan jika kamu khawatir menjadi miskin, maka Allah nanti akan memberimu kekayaan kepadamu dari karuniaNya, jika Dia menghendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."*** (QS: 9. At Taubah, 28).

Atas pencerahan ini, maka kita harus sanggup tunduk kepada Allah. Marilah kita ikuti sunnah Tanah Haram, masjidil haram dan pakaian Ihram. Kita tawaf sentiasa untuk membersihkan tanah air kita dengan MENGHARAMKAN zina dan segala mukaddimahnya. Promosikanlah negara kita dengan tarikan yang suci murni. Biarlah tidak banyak wang masuk asalkan kita tidak menjemput puak-puak Dajjal yang sah-sah Musyrik ini. Yakinlah dengan janji Allah.

Banyak nasi, banyak keraknya. Terlalu banyak kes melibatkan anak-anak vip dan jutawan yang terlibat dengan gejala ini dalam fail kami. Semuanya kerana kemewahan laksana syurga tajaan Dajjal. Amalan dadah, arak, seks bebas, bahkan buang bayi sekalipun sebahagiannya dimaklumi oleh ibu bapa, namun tidak mereka berbuat apa-apa. Apatahlagi kes yang tidak diketahui kerana sibuknya ibu bapa mengejar pangkat dan harta.

Ingatlah, ketika kita masih hidup ini pun sudah jelas tidak berkatnya. Kita banyak kerugian akibat menaja kos kerosakan dan biaya untuk menebus kerosakan yang telah berlaku pada anak kita.

APABILA KITA MATI NANTI, hanya ilmu yang mampu membentuk anak yang soleh sahaja yang boleh meneruskan amal kita melalui harta yang kita tinggalkan. Jika tidak, apa yang kita

tinggalkan kepada mereka akan lebih menjahanamkan hidup mereka. Waktu itu tiada siapa boleh menasihati mereka kerana jika kita masih hidup sekalipun, kita sudah tiada upaya dan kuasa.

Janganlah kita asyik ambil mudah dengan bersandarkan kepada sifat Allah yang maha pengampun itu selama-lama untuk berterusan mengabaikan perintah dan laranganNya. Ketahuilah bahawa keampunan dan kelembutan Allah itu pun ada batasnya. Harus tahu di mana batas keampunan yang layak bagi kita, biar jelas dan tidak bersangka-sangka.

Jangan tunggu terjadinya kematian seperti yang 6 orang dan beberapa lagi yang mungkin menyusul ini. Kerana jika sedemikian, maka jelaslah kita sengaja membiarkan mereka dengan beraninya MELAWAN ALLAH. Banyak contoh depan mata di mana kita mungkin tidak layak menguruskan jenazah mereka dengan cara Islam, NAUZUBILLAH.

Ya..! Ada kalanya jenazah kita pun tidak layak disembahyangkan, berdoa di kubur pun tidak Allah izinkan (QS:9/84). Ada tahap yang mana keampunan yang dipohonKAN oleh para nabi, sampai 70 kali ampun sekalipun tidak Allah ampunkan (QS:9/80).

Mahukah kita berada di katagori itu? ATAU MAHU KITA PERSETANKAN SAHAJA PERINGATAN ALLAH INI?

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
WARGA PRIHATIN

***** RUJUKAN*****:

QS: 4. An Nisaa'17-18. "Sesungguhnya taubat di sisi Allah hanyalah taubat bagi orang-orang yang mengerjakan kejahatan lantaran kejahilan yang kemudian mereka bertaubat dengan segera, maka mereka itulah yang diterima Allah taubatnya; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Dan tidaklah taubat itu diterima Allah dari orang-orang yang mengerjakan kejahatan hingga apabila datang ajal kepada seseorang di antara mereka, ia mengatakan : “Sesungguhnya saya bertaubat sekarang.” Dan tidak (pula diterima taubat) orang-orang yang mati sedang mereka di dalam kekafiran. Bagi orang-orang itu telah Kami sediakan siksa yang pedih.

QS: 9. At Taubah

80. Kamu memohonkan ampun bagi mereka atau tidak kamu mohonkan ampun bagi mereka Kendatipun kamu memohonkan ampun bagi mereka 70 kali, namun Allah sekali-kali tidak akan memberi ampunan kepada mereka. Yang demikian itu adalah karena mereka kafir kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang fasik.

82. Maka hendaklah mereka tertawa sedikit dan menangis banyak, sebagai pembalasan dari apa yang selalu mereka kerjakan.

84. Dan janganlah kamu sekali-kali menyembahyangkan (jenazah) seorang yang mati di antara mereka, dan janganlah kamu berdiri (mendoakan) di kuburnya. Sesungguhnya mereka telah kafir kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka mati dalam keadaan fasik.

85. Dan janganlah harta benda dan anak-anak mereka menarik hatimu. Sesungguhnya Allah menghendaki akan mengazab mereka di dunia dengan harta dan anak-anak itu dan agar melayang nyawa mereka, dalam keadaan kafir.